



DASAR PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK & TVET
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

DASAR PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

1.0 Pernyataan Dasar

Dasar ini menetapkan rangka kerja UTHM bagi pengurusan dan pelaksanaan program Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh atau lebih dikenali sebagai *Open and Distance Learning* (ODL). UTHM komited untuk meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi berkualiti melalui model pembelajaran fleksibel dan inklusif yang mengintegrasikan teknologi digital serta amalan terbaik dalam pendidikan jarak jauh. Dasar ini turut memastikan pelaksanaan program ODL di UTHM adalah setara dengan program secara konvensional dari segi kualiti dan integriti akademik.

2.0 Tujuan

Tujuan dasar ini adalah untuk menjadi rujukan kepada semua pihak yang terlibat dengan pembangunan, penyampaian, penilaian, dan penambahbaikan berterusan program ODL di UTHM. Ia memastikan bahawa program ini menyediakan pelajar dengan akses kepada pendidikan berkualiti tanpa mengira lokasi geografi maupun latar belakang peribadi, selaras dengan hasrat UTHM dalam mempromosikan pendidikan sepanjang hayat dan inklusif.

3.0 Skop

Dasar ini terpakai kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat dalam perancangan, pembangunan, penyampaian, sokongan, dan pengurusan program ODL. Ia merangkumi semua program prasiswazah dan pascasiswazah yang ditawarkan melalui mod jarak jauh atau gabungan. Ia juga merangkumi panduan untuk staf akademik, pelajar, staf pentadbiran, dan rakan kerjasama berkaitan.

4.0 Objektif

Objektif utama dasar ini adalah untuk:

- (a) Memperluas akses program akademik kepada semua pelajar termasuk mereka yang mengalami kekangan masa dan tempat;
- (b) Menyediakan peluang pembelajaran fleksibel yang memberi pilihan untuk pembelajaran dari mana-mana tempat, pada bila-bila masa, dan dengan pelbagai cara;
- (c) Mengekalkan standard akademik yang tinggi dan setara, dengan hasil pembelajaran dalam apa jua mod penyampaian;
- (d) Mengukuhkan keupayaan untuk merancang, membangunkan, menyampaikan, menyokong, dan mengurus program ODL secara berkesan;
- (e) Memastikan pelajar program ODL menerima sokongan akademik dan pengurusan yang mencukupi.

5.0 Panduan pelaksanaan

Pelaksanaan ODL di UTHM terpandu oleh prinsip-prinsip berikut:

- (a) Semua pelajar, tanpa mengira latar belakang, kebolehan atau lokasi, akan mendapat akses kepada pendidikan berkualiti.
- (b) Program ODL mesti memenuhi standard akademik yang sama seperti program konvensional selaras dengan kehendak badan kelayakan seperti *Malaysian Qualification Agency* (MQA).
- (c) Program direka bentuk untuk mempromosikan fleksibiliti, penglibatan, dan pembelajaran sendiri.

- (d) Teknologi digital yang inovatif dan mudah diakses perlu digunakan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran dan pengajaran.
- (e) Staf akademik terlibat dengan program ODL perlu dilengkapi dengan kemahiran dan sumber yang diperlukan untuk amalan pembelajaran dan pengajaran berkualiti secara terbuka dan jarak jauh.
- (f) Perkhidmatan sokongan akademik dan teknikal yang komprehensif perlu disediakan kepada semua pelajar ODL.

6.0 Tadbir Urus

Pusat yang diberi tanggungjawab untuk mengurus pelaksanaan program ODL akan menyelaraskan, menyelia dan memantau semua aktiviti program ODL yang ditawarkan. Manakala, Pusat Pembangunan Akademik dan TVET (CAD) dan Fakulti/Pusat bertanggungjawab memastikan bahawa inisiatif program ODL ditawarkan sejajar dengan misi dan visi UTHM serta memenuhi keperluan mana-mana dasar, standard dan garis panduan, di peringkat nasional dan global.

7.0 Penyampaian Program Akademik

Semua program yang ingin ditawarkan melalui ODL mesti mendapat kelulusan daripada Senat dan memperolehi akreditasi badan kelayakan seperti MQA. Kursus ditawarkan dalam program ODL perlu direka bentuk selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) yang terkini, mengandungi elemen interaktif, mudah diakses, dan sejajar dengan hasil pembelajaran dihasratkan. Bahan pembelajaran boleh dipersembahkan dalam bentuk teks, video, multimedia, dan sumber pendidikan terbuka (*Open Educational Resources*, OER) sesuai dengan keperluan mencapai hasrat hasil pembelajaran. Bahan pembelajaran boleh diakses melalui Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) dan mana-mana platform yang digunapakai oleh UTHM.

8.0 Penilaian Kursus

Pendekatan penilaian bagi setiap kursus dalam program ODL hendaklah direkabentuk sejajar dengan hasrat hasil pembelajaran dan kaedah penyampaian yang dicadangkan. Instrumen penilaian formatif dan sumatif bersesuaian wajar digunakan untuk menilai prestasi pelajar boleh digunakan secara dalam talian. Prosedur dan sistem bersesuaian juga perlu digunakan dalam pemantauan peperiksaan secara dalam talian untuk memastikan integriti akademik terlaksana.

9.0 Staf Akademik

Staf akademik yang terlibat dalam penyampaian program ODL hendaklah dilengkapi dengan amalan pedagogi pembelajaran dan pengajaran (PdP) terbuka dan jarak jauh. Staf akademik juga terlibat dalam pembangunan kandungan kursus, merekabentuk aktiviti PdP, menggalakkan penglibatan pelajar, memperoleh maklum balas berkaitan pelaksanaan PdP, dan menyemak kandungan kursus dari semasa ke semasa. Kaedah pengiraan beban kerja dan penilaian prestasi pelaksana program ODL boleh disesuaikan dengan peraturan berkaitan sedia ada.

10.0 Sistem Sokongan

Pelajar program ODL boleh diberi akses kepada pelbagai perkhidmatan sokongan akademik dan pentadbiran. Ini termasuk program orientasi dalam talian, sumber bahan digital daripada perpustakaan UTHM, khidmat kaunseling, dan bantuan teknikal bagi platform digital berkaitan. Semua perkhidmatan sokongan mesti dalam format yang mesra pengguna dan sentiasa boleh diakses oleh semua pelajar.

UTHM turut komited dalam menyediakan infrastruktur teknologi yang selamat, boleh diskala dan boleh diakses untuk menyokong penyampaian program ODL secara berkesan. Usaha ini termasuk mewujudkan sistem pelayan berprestasi tinggi, platform LMS mesra pengguna, dan kaedah penyimpanan bahan PdP dan pentaksiran yang selamat. Aktiviti penyelenggaraan berkala,

pengemaskinian sistem, dan pematuhan piawaian keselamatan siber serta perlindungan data akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

11.0 Jaminan Kualiti

Mekanisme jaminan kualiti perlu diambil kira dalam semua proses pelaksanaan program ODL. Ini termasuk prosedur semakan kursus secara berkala, tinjauan kepuasan pelajar, dan analisis penilaian PdP. UTHM boleh menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk ODL seperti anggaran tempoh tamat pengajian, pencapaian prestasi pelajar dan tahap keberkesanan amalan PdP. Prosedur audit akademik boleh dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan dan penambahbaikan kualiti berterusan terlaksana.

UTHM juga menggalakkan pelbagai bentuk kerjasama antara Fakulti/Pusat dengan mana-mana agensi dan institusi pendidikan tempatan dan antarabangsa yang boleh meningkatkan kualiti dan akses program ODL. Antara bentuk kerjasama termasuklah penyampaian program bersama, pembangunan kandungan, penyediaan latihan dan kemahiran, aktiviti penyelidikan, dan perkongsian amalan baik.

UTHM juga komited dalam memberi peruntukan sesuai bagi menyokong aktiviti pembangunan, penyelenggaraan dan pelaksanaan program ODL. Pelbagai model sumber kewangan boleh diwujudkan bagi memastikan program ODL yang dilaksanakan adalah berkesan, relevan dan mampan.

Dasar ini akan dikaji semula jika terdapat perubahan dalam mana-mana garis panduan, standard program atau strategi di peringkat UTHM, nasional, mahupun antarabangsa. Prosedur kajian semula perlu melibatkan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan seperti staf akademik, pelajar, badan akreditasi dan penarafan program, serta rakan kerjasama institusi dan industri.